Kurikulum persekolahan sentiasa dipantau, ditambah baik demi kekal relevan

Julai 6, 2024 @ 12:11pm



Fadhlina Sidek

Mac lalu, Kementerian Pendidikan (KPM) melancarkan enam Pasukan Petugas Khas (Task Force) bagi menilai dan merangka semula sistem pendidikan negara bagi memastikan pelajar seawal usia empat tahun mendapat akses pembelajaran serba lengkap. Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek memperincikan peranan dan strategi pasukan berkenaan, selain menghurai isu kurikulum, kepentingan Pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) serta Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Soalan (S): Objektif KPM melaksanakan penyelarasan prasekolah?

Jawapan (J): Penyelarasan prasekolah bertujuan memberi manfaat kepada kanak-kanak berusia empat hingga enam tahun dengan menyediakan peluang pendidikan peringkat prasekolah yang saksama tanpa mengira latar belakang sosioekonomi. KPM komited menyediakan aksesibiliti kepada sistem pendidikan prasekolah yang berkesan, inklusif dan berkualiti agar semua kanak-kanak bersedia mengikuti pendidikan rendah.

Sehubungan itu, KPM menubuhkan 'Task Force' menyelaras semua prasekolah kerajaan, termasuk Tabika dan Tadika di bawah Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dan pihak berkuasa agama negeri. Melalui pasukan ini, KPM membuat penyelarasan standard bagi semua aspek pengurusan prasekolah seperti kurikulum, guru, perjawatan, infrastruktur, murid dan aset.

Pasukan ini juga melaksanakan perancangan jangka panjang bagi meningkatkan akses prasekolah agar mencapai kadar enrolmen prasekolah sejagat. Antara kejayaan pendidikan prasekolah seperti memberi akses pendidikan, apabila enrolmen murid prasekolah berumur empat tahun ke atas menunjukkan trend meningkat pada 2023 (77.95 peratus) berbanding 2021 (68.45 peratus). Akses kepada pendidikan prasekolah kanak-kanak usia lima tahun ke atas mencatat 90.67 peratus pada 2023, meningkat berbanding 83.65 peratus pada 2021.

KPM membangunkan Kurikulum Prasekolah Kebangsaan sebagai salah satu mekanisme untuk menyelaras kualiti pendidikan prasekolah dan memastikan keseragaman penyampaian pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam kalangan murid di prasekolah awam dan swasta. Selain itu, Penarafan Kualiti Prasekolah Kebangsaan dilaksana bagi memastikan kualiti semua institusi prasekolah mengikut standard kualiti kebangsaan, pemantauan berterusan dilaksanakan oleh KPM melalui instrumen penilaian Standard Kualiti Prasekolah Kebangsaan (SKPK) 2.0.

Yang turut dilaksana, Bantuan Makanan Prasekolah di mana mulai 2023, KPM menambah baik skim ini daripada RM2.25 kepada RM3.25 sehari bagi seorang murid prasekolah di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Bagi negeri di Semenanjung, daripada RM2 kepada RM3 sehari. Mulai 2024, kadar sama turut dinikmati Tabika KEMAS dan JPNIN.

S: Peranan pasukan petugas khas dalam reformasi pendidikan, kurikulum?

J: KPM sentiasa berusaha menambah baik kurikulum bagi memastikan ia relevan dengan keperluan murid. KPM memantau kurikulum dan buat kajian keperluan bagi mengenal pasti isu dan masalah dalam pelaksanaannya. Pelbagai sesi libat urus membabitkan pihak berkepentingan diadakan untuk mendapatkan input dan pandangan berkaitan kurikulum semasa dan akan datang. KPM pandang serius kebimbangan ibu bapa dan masyarakat terhadap kurikulum persekolahan sedia ada.

Antara kegusaran adalah aras kurikulum yang tinggi menyebabkan murid sukar fahami kandungan mata pelajaran, kandungan kurikulum kurang sesuai dengan usia murid, kesukaran kurikulum menyumbang kepada keciciran pembelajaran, pelaporan PBD (Pentaksiran Bilik Darjah) murid sukar difahami, ibu bapa tiada akses untuk mendapatkan pelaporan PBD.

Task Force ini bertanggungjawab merangka pelan komunikasi strategik, menentukan aktiviti utama dan sokongan intervensi kurikulum dan memantau pelaksanaannya. KPM menggariskan empat inisiatif intervensi kurikulum, iaitu menyediakan Dokumen Penjajaran KSSR bagi mata pelajaran Sains, Matematik, Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris Tahap Satu yang akan digunakan mulai Sesi Akademik 2024/2025.

Inisiatif kedua adalah pengesanan literasi dan numerasi murid Tahun Satu bertujuan mengenal pasti murid yang belum menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira serta memerlukan intervensi awal yang bersesuaian dengan kebolehan,

keupayaan dan gaya pembelajaran mereka. Bagi Sesi Akademik 2024/2025, program intervensi akan dilaksanakan dalam tempoh tiga bulan mulai Julai hingga September oleh guru mata pelajaran Tahun Satu.

Inisiatif ketiga adalah memurnikan pelaporan tahap penguasaan PBD yang mesra ibu bapa untuk memudahkan pemahaman. Deskriptor bagi setiap tahap penguasaan murid mengikut mata pelajaran di dalam Sistem Pengurusan Pentaksiran Bersepadu (SPPB) Modul PBD dipermudahkan dengan memberi tafsiran tahap penguasaan yang lebih jelas.

Bagi isu Ujian Akhir Sesi Akademik yang dilaporkan dalam bentuk Tahap Penguasaan, semua pelaporan pencapaian murid akan diberi dalam bentuk markah dan gred. Turut dilaksana selepas ini adalah Dokumen Penjajaran KSSR akan disebarluaskan kepada semua guru mata pelajaran Sains, Matematik, Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris sekolah rendah bagi memastikan objektif pelaksanaannya dapat dicapai.

S: Bagaimana STEM mampu dipertingkat bagi memberi manfaat kepada pelajar?

J: Pendidikan STEM boleh merangsang pemikiran kritis dan kreatif dalam menyelesaikan masalah kehidupan seharian, memupuk perasaan ingin tahu dan bersedia meneroka sesuatu ilmu atau perkara berkaitan STEM. Pendidikan STEM penting dalam mempersiapkan murid untuk melihat prospek kerjaya yang lebih luas, menghadapi cabaran masa depan dan menghasilkan individu yang berkemahiran tinggi dan boleh bersaing dalam pasaran global.

Guru perlu lebih kreatif memupuk minat murid terhadap bidang STEM. Kaedah dan pendekatan digunakan menjadi faktor utama dalam memupuk minat murid terhadap bidang STEM. Setiap aktiviti yang dilaksanakan mesti bermakna, menarik dan menyeronokkan. Pendidikan STEM berupaya menghasilkan murid yang boleh berfikir secara logik, menggunakan dan merekacipta teknologi serta menyelesaikan masalah secara kreatif dan inovatif bagi menyediakan bakat yang kompetitif untuk memacu kemajuan ekonomi negara.

Minat murid terhadap STEM bukan sahaja didorong ibu bapa, malah Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK). Sekolah perlu melaksana pelbagai inisiatif berstrategik untuk menyokong usaha ke arah menarik lebih ramai murid memilih bidang STEM, ibu bapa main peranan penting memupuk minat anak terhadap STEM, pihak industri dapat menjadi rakan strategik dalam memotivasikan murid untuk mempelajari STEM dengan cara yang praktikal dan relevan.

S: Langkah KPM bagi memastikan akses pendidikan berkualiti, terutama dalam TVET?

Jawapan (J): KPM sudah mewujudkan Task Force TVET bagi merangka pelaksanaan dasar serta hala tuju dalam memperkasa dan mengantarabangsakan ekosistem TVET. KPM juga menyediakan platform bagi membincang dan menyelesaikan sebarang isu

yang timbul dalam pelaksanaan program TVET, selain melaksanakan beberapa inisiatif bagi meningkatkan penyertaan murid dalam bidang ini.

Antaranya menawarkan program peringkat Sijil Vokasional Malaysia (SVM), diploma, Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) dan sijil profesional di Kolej Vokasional (KV), di Sekolah Menengah Teknik (SMT) melalui mata pelajaran elektif teknikal (MPET) serta di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) seperti Program Vokasional Menengah Atas (PVMA), Mata Pelajaran Vokasional (MPV), Perantisan Industri Menengah Atas (PIMA) dan program SLDN.

TVET turut ditawar bagi Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) di empat Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (SMPKV), selain program TVET lepasan menengah bagi MBPK di KV untuk melengkapkan pensijilan SKM. Tawaran juga kepada murid Orang Asli dan pribumi di Sekolah Model Khas Komprehensif 9 (K9) dan Sekolah Model Khas Komprehensif 11 (K11).

Pelbagai usaha dilaksanakan KPM untuk memastikan Pendidikan TVET sentiasa relevan dan selari dengan kehendak industri semasa, antaranya kerjasama strategik dengan industri, menubuhkan Jawatankuasa Hubungan Industri TVET yang membabitkan kolaborasi dengan pihak industri dalam 10 bidang ekonomi dan memperkenalkan elemen Teknologi Kenderaan Elektrik dan Hidrogen dalam kurikulum program Teknologi Automotif di KV mulai 2024.

Usaha martabatkan bahasa Melayu, Inggeris dan inisiatif Murid Fasih Digital

Soalan (S): Usaha memartabatkan bahasa Melayu (BM) dan Inggeris (BI), perancangan KPM melalui reformasi pendidikan ini?

Jawapan (J): KPM sentiasa komited dalam memastikan peningkatan kecekapan berbahasa semua warganya. Usaha ini dilaksanakan menerusi Dasar Memartabatkan BM dan Memperkukuh BI (MBMMBI) sejak 2011. Melalui Task Force ini, Sahabat Bahasa diperkenal untuk membudayakan dan menyemarakkan pelaksanaan aktiviti dalam kalangan warga KPM, khususnya dan rakyat Malaysia secara amnya. Pada masa sama, KPM prihatin dan menyedari bahawa penguasaan BI adalah kemahiran penting dalam menghasilkan tenaga kerja yang cemerlang dan berkemahiran tinggi pada peringkat global.

Penguasaan BI yang baik dapat membantu meningkatkan daya saing negara, memudahkan perdagangan pada peringkat antarabangsa serta membolehkan akses kepada pengetahuan terkini khusus dalam bidang sains dan teknologi. KPM sudah mengambil beberapa langkah proaktif untuk meningkatkan penguasaan BI di bawah Dasar MBMMBI serta Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Antara kejayaan signifikan pendidikan BI dicapai KPM adalah membangunkan 'English Language Education Reform in Malaysia: The Roadmap 2015-2025' atau 'The Roadmap'.

'The Roadmap' sebagai satu pelan hala tuju pendidikan BI untuk 10 tahun, merangkumi proses penjajaran pendidikan BI kepada standard atau piawaian antarabangsa dikenali 'Common European Framework of Reference for Languages' (CEFR). Ia juga menjajarkan keseluruhan pendidikan BI (kurikulum, pengajaran dan pembelajaran, pentaksiran, latihan guru dan bahan pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris) kepada piawaian antarabangsa CEFR.

Penjajaran ini mengukuhkan ekosistem pendidikan BI negara dan memberi fokus lebih sistematik kepada pendidikan BI. Di bawah 'The Roadmap', kertas peperiksaan SPM untuk mata pelajaran BI dijajarkan kepada piawaian antarabangsa CEFR dan diduduki calon SPM buat pertama kalinya pada 2021.

S: Fokus utama Pasukan Petugas Khas Pendidikan Digital dan kejayaan yang dicapai?

J: Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan (BSTP) peneraju kepada Pasukan Petugas Khas Digital dan dipertanggungjawab memacu, menyelaras serta memantau pelaksanaan inisiatif pendidikan digital agar selari dengan Dasar Pendidikan Digital (DPD) secara berkesan bermula 2023 hingga 2030. Dasar ini memberi manfaat secara optimum kepada murid, pendidik, pemimpin pendidikan dan semua pihak berkepentingan bagi merapatkan jurang digital, seterusnya membolehkan pendidikan digital dilaksanakan dengan jayanya.

DPD menggariskan enam teras pendidikan digital, iaitu murid fasih digital, pendidik kompeten digital, pengupayaan infrastruktur, kandungan digital berkualiti dan rakan strategik yang komited. KPM berhasrat pelaksanaan dasar ini dapat merealisasikan iltizam dan aspirasi menyampaikan perkhidmatan pendidikan digital yang berkualiti. Kita berjaya membangunkan 'Advance Integrated Nilam System' (AINS), iaitu sistem perekodan bacaan secara digital yang interaktif dengan ciri menarik seperti analisis bahan bacaan, carta pendahulu pada setiap peringkat serta peta jalan untuk pengiktirafan bintang bagi setiap murid.

KPM juga bangunkan 'Digital Educational Learning Initiative Malaysia' (DELIMa) yang kini menjadi pelantar menawarkan guru dan murid aplikasi serta perkhidmatan pendidikan secara percuma secara dalam talian yang boleh diakses pada bila-bila masa. Objektif utama DELIMa merancang dan mengurus pelantar pembelajaran dan program bagi menyokong pendidikan digital dengan mengintegrasi teknologi pendidikan yang sesuai untuk (PdP).

S: Teras DPD termasuk berfokus kepada murid atau 'Murid Fasih Digital'. Bagaimana ia diukur?

J: Skor Kompetensi Digital Murid DCS) ialah satu alat ukur bagi melihat tahap kompetensi digital murid menggunakan instrumen penilaian berasaskan keberhasilan murid yang dapat mengaplikasikan kemahiran digital dalam setiap soalan. DCS berkonsep penjelajahan pembelajaran dan penyelesaian masalah yang akan menilai

tahap kompetensi digital murid dalam domain kognitif, teknologi dan kewarganegaraan digital. Pelaksanaan DCS bermula 2017 dan diperluas ke semua sekolah di bawah KPM sejak 2019.

Pembangunan DCS ini dalam bentuk aplikasi spesifik yang mengukur tahap kompetensi digital murid secara intelek melalui kemenjadian murid di mana murid akan menerima keputusan tahap kompetensi digital serta sijil digital setelah selesai melaksanakan DCS. Bermula dengan 24 sekolah rintis terpilih dengan kerjasama MDEC dan bahagian KPM, DCS kini diselia sepenuhnya Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan (BSTP). DCS juga tunjang utama dalam usaha membangunkan murid fasih digital bagi memenuhi keperluan era digital.

S: Bagaimana inisiatif DPD boleh menyokong dan mengupayakan teras Pendidik Kompeten Digital?

J: KPM menyediakan pelantar pembelajaran DELIMa dengan kerjasama Google, Microsoft dan Apple. Bagi memastikan guru dan murid menggunakan platform DELIMa secara optimum, BSTP memperkenalkan program Guru Peneraju Generasi Digital (GPGD) sejak 2022. GPGD dilantik dalam kalangan pegawai dan guru KPM yang mempunyai pengiktirafan daripada Google, Microsoft, Apple serta aktif berkongsi pengetahuan mengenai pengintegrasian teknologi digital dalam pendidikan.

Pada 2023, seramai 83 orang GPGD dilantik. GPGD beri khidmat bantu dan bimbingan kepada 130,217 guru serta murid. Sebanyak 5,000 baucar disumbangkan Google untuk beri pensijilan kepada guru untuk Google Certified Educator Level 1 dan Level 2 di seluruh negara bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran dalam mengintegrasikan teknologi pendidikan.

PIXLR beri latihan kepada 500 guru bagi memperkasakan pendidik dalam kompetensi kecerdasan buatan (AI) dengan kos setiap guru adalah RM2,000, kos keseluruhan adalah RM1,000,000. Guru ini juga mendapat sijil pengiktirafan AI Educator daripada PIXLR. Microsoft pula melancarkan AI Classroom Toolkit pada 1 Jun lalu bagi memudahkan guru menggunakannya kerana ia direka bentuk untuk diajar dalam bilik darjah, mengingatkan bahawa walaupun AI boleh menjadi sangat berguna, ia bukanlah teknologi yang sempurna.

Pihak Google juga akan melancarkan Gemini Academy: AI untuk Pendidikan pada 3 Julai 2024, inisiatif untuk memperkasakan kemahiran teknologi Google AI dalam PdP serta meringankan beban kerja guru. Apple Professional Learning Malaysia (APLM) mengadakan bengkel untuk pendidik bertajuk 'Your Apple Teacher Journey' yang juga sebahagian siri Program Apple Teacher. Menerusi program ini, 100,000 guru dilatih dan dibimbing untuk diiktiraf sebagai 'Apple Teacher'.